

Realisasi ke arah bandar pintar

MBSP komited pastikan visi dan misi di Seberang Perai dilaksanakan

Menjadikan Seberang Perai di Pulau Pinang sebagai bandar pintar dan rendah karbon adalah antara matlamat utama Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) selepas pihak berkuasa tempatan (PBT) itu dinaik taraf sebagai bandar raya pada 16 September lalu.

MBSP menjadi PBT ke-15 diiktiraf sebagai Majlis Bandaraya di negara ini. Ia mempunyai pelbagai strategi bagi memastikan visi dan misi yang ditetapkan berjaya dicapai termasuk menjadikan bandar raya Seberang Perai yang inklusif, saksama dan pembangunan berpaksikan rakyat.

Ikuti wawancara khas Sinar Harian menerusi segmen Kota Kita bersama Datuk Bandar Seberang Perai, Datuk Seri Rozali Mohamad.

SINAR HARIAN: Apakah fokus dan perancangan Datuk untuk membawa MBSP ke tahap yang lebih tinggi berbanding ketika menguruskan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) sebelum ini?

ROZALI: Saya telah diberi gambaran mengenai naik taraf MPSP kepada Majlis Bandaraya sejak bulan Mei lalu. Saya mengambil ketetapan bandar raya yang akan diisytiharkan nanti perlu memegang prinsip yang lebih inklusif. Prinsip ini menjadi dasar inklusif MBSP iaitu *We Value in People Voices dan No One Will Be Left Behind*.

Justeru, MPSP (pada ketika itu) bertanya rakyat bandar raya apakah yang mereka ingini melalui sesi *townhall*, ruang media sosial dan perjumpaan awam.

Hasil daripada pendekatan inklusif mendengar pandangan rakyat kita telah menetapkan fokus untuk menjadi bandar raya rendah karbon pada tahun 2022, bandar raya karbon neutral pada tahun 2030 dan menjadi bandar



raya sifar karbon pada tahun 2050.


MBSP juga komited untuk bersama bandar raya lain di dunia menangani perubahan cuaca supaya dapat menghadkan pemanasan global ke 1.5 darjah Celcius.

Selain itu, MBSP juga berhasrat untuk menjadi bandar raya pintar pada tahun 2030 sesuai dengan wawasan Penang 2030 yang menjadi fokus kerajaan negeri.

Saya memahami sasaran yang ditetapkan adalah tinggi untuk dicapai. Bagaimanapun, demi kesejahteraan rakyat, seluruh warga kerja MBSP berjanji memastikan sasaran tersebut dicapai dan menjadikannya satu kontrak sosial yang akan dilaksanakan



MBSP komited menanam pokok bagi merealisasikan Seberang Perai sebagai bandar raya karbon neutral.



ROZALI

secara bersama dengan rakyat dan *stakeholders*.

Fokus dan perancangan tanpa bajet adalah angan-angan kosong, oleh itu MBSP menzahirkan kesinambungan komitmennya melalui bajet pertamanya iaitu 'Seberang Perai Green Budget 2020'.

Mengapakah MBSP mahu menjadikan Seberang Perai sebagai bandar raya karbon neutral menjelang 2030?

ROZALI: Dalam masa 10 tahun Seberang Perai akan menjadi bandar raya *resilient*, inklusif, hijau, kompetitif dan bandar pintar dipacu oleh teknologi.

Indikator pencapaian utama (KPI) Seberang Perai akan mengurangkan pelepasan karbon sebanyak 50 peratus iaitu 8 tons CO2e seorang setahun kepada 4 tons CO2e seorang setahun pada tahun 2022 dan seterusnya menjadi bandar raya karbon neutral pada tahun 2030.

Untuk mencapai bandar raya rendah karbon neutral menjelang 2030 MBSP telah menerapkan lima strategik antaranya pengangkutan hijau dengan melaksanakan garis panduan penyediaan dan pelaksanaan laluan basikal Seberang Perai untuk mempromosikan gaya hidup sihat dan menerapkan budaya berbasikal ke tempat kerja.

MBSP juga mahu melaksanakan pembangunan hijau yang menjadi *Incentive Fast Track* di mana Pelan Kebenaran Meran-

cang dan Pelan Bangunan akan dikeluarkan Development Order C1 sebaik sahaja Jawatankuasa OSC meluluskan Pelan Kebenaran Merancang bagi pembangunan yang menggunakan 15 peratus daripada sumber tenaga yang boleh diperbaharui (*renewable energy*).

Selain itu, kita juga menyediakan garis panduan pemasangan lampu LED yang telah dikuatkuasakan pada 1 Jun 2018 yang mana pembangunan baharu disyaratkan perlu menggunakan lampu LED.

Dalam pada itu, kita juga mahu jadikan penghasilan dan penggunaan mampan dengan kadar kitar semula dapat ditingkatkan kepada 70 peratus dan berat sampah dikurangkan 50 peratus perkapita pada tahun 2022.

Dalam memastikan kehijauan dan penyerapan bandar ini, MBSP menasaskan 100,000 pokok di taman sebelum tahun 2022 dan anggaran pokok akan ditanam setiap tahun berjumlah 25,000 batang pokok. Penanaman pokok adalah penting dalam mengimbangi pelepasan karbon melalui penghasilan oksigen.

Apakah yang dilakukan oleh Datuk serta seluruh warga MBSP dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada masyarakat di Seberang Perai?

ROZALI: Saya memahami bahawa rakyat dan pemimpin negeri meletakkan harapan yang

tinggi dan ternanti-nanti untuk melihat perubahan yang akan saya bawa.

Justeru, saya perlu memastikan sejarah yang dinobatkan pada 16 September 2019 bukanlah hanya perubahan pada nama.

Perubahan yang akan dibawa mestilah *People Centric* atau menyantuni rakyat dan dilaksanakan dengan cara mudah dan pantas.

Peranan yang perlu dimainkan oleh semua warga MBSB adalah memastikan perkhidmatan dapat



Inisiatif diperkenal MBSP untuk kesejahteraan penduduk dan bandar.